

## **BAB 3**

### **ANALISIS BUKU TEKS**

#### **3.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini dibincangkan analisis yang dilakukan terhadap buku-buku teks yang dijadikan sampel kajian. Semua buku teks tersebut telah pun diperakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang merupakan buku teks mata pelajaran teras yang digunakan oleh pelajar-pelajar Tingkatan 5. Aspek-aspek yang akan dianalisis meliputi penggunaan alat-alat penulisan yang terkandung dalam buku-buku teks berkenaan. Kaedah penulisan yang dipilih untuk dikaji dan dianalisis ialah penakrifan, penamsilan, percontohan, pencerakinan, pengelasan, penjejakan, petikan, perbandingan, anekdot dan satira serta kaedah penulisan lain seperti penceritaan, bahasa figuratif, ungkapan, pepatah, peribahasa, simpulan bahasa dan puisi. Penggunaan kaedah penulisan ini dikaji berdasarkan setiap perenggan yang digunakan. Buku-buku teks yang dikaji ialah:

- a) *Bahasa Melayu Tingkatan 5* – Mohd. Dahalan Mohd. Ramli, Ayob Jantan dan Ali Haji Mahmood terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

- b) *Sains Tingkatan 5* – Ameruddin Baharom, Repiah Singah, Tan Moi Yan dan Abd. Kadir Basiran terbitan Penerbit Gedung Ilmu, Johor Bharu, 1992.
- c) *Sejarah Tingkatan 5* – Siti Zuraina Abd. Majid, Muhammad Yusoff Hashim, Abdullah Zakaria Ghazali, Ahmad Fawzi Basri dan Zainal Abidin Abdul Wahid terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- d) *Pendidikan Moral Tingkatan 5* – Mohd. Said Abdul Hamid, Siow Siew Sing dan Annamalai Arناسالام terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

### **3.2 PERBANDINGAN KEKERAPAN PENGGUNAAN KAEDAH PENULISAN**

#### **3.2.1 PENCERAKINAN**

BUKU TEKS	BIL.	PERATUS
Bahasa Melayu	115	8.96
Sejarah	645	50.27
Sains	362	28.22
Pendidikan Moral	161	12.55
Jumlah	1,283	100.00

Pencerakinan digunakan bagi menghurai, menganalisis, menyiasat atau menyelidik sesuatu keadaan atau perkara satu persatu. Oleh yang demikian, kaedah penulisan ini amat sesuai digunakan dalam buku teks yang menyampaikan fakta dan maklumat secara sehala. Didapati kaedah penulisan ini paling kerap digunakan dalam semua teks. Buku teks *Sejarah Tingkatan 5* paling banyak menggunakan kaedah penulisan ini dalam kebanyakan perenggannya iaitu sebanyak 645 kali begitu juga buku teks *Sains Tingkatan 5* yang mencerakinkan 362 daripada perenggannya. Buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 5* pula menggunakan kaedah penulisan ini sebanyak 161 kali manakala buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5* hanya menggunakannya sebanyak 32 kali.

### 3.2.2 PENJEJAKAN

BUKU TEKS	BIL.	PERATUS
Bahasa Melayu	23	4.56
Sejarah	391	77.58
Sains	24	4.76
Pendidikan Moral	66	13.09
Jumlah	504	100.00

Kaedah penulisan penjejakan sesuai digunakan bagi mengesan peristiwa, kejadian atau perkara yang telah berlaku. Oleh itu, kaedah

penulisan ini penting dalam penulisan sejarah. Ini dibuktikan dengan 391 kali alat penulisan ini digunakan dalam buku teks *Sejarah*. Pemilihan bahan bercorak sejarah juga menyebabkan buku teks *Pendidikan Moral* agak kerap menggunakan kaedah penjejakan ini, iaitu sebanyak 66 kali manakala buku teks *Sains* menggunakannya sebanyak 24 kali dan buku teks *Bahasa Melayu* pula menggunakannya sebanyak 23 kali.

### 3.2.3 PERCONTOHAN

BUKU TEKS	BIL.	PERATUS
Bahasa Melayu	32	5.79
Sejarah	270	48.82
Sains	191	34.54
Pendidikan Moral	60	10.85
Jumlah	553	100.00

Kaedah penulisan ini merupakan salah satu alat penulisan yang paling digemari selain pencerakinan. Sama ada percontohan berganda atau mengembang, alat penulisan ini paling banyak digunakan dalam buku teks *Sejarah*, iaitu sebanyak 270 kali manakala buku teks *Sains* menggunakannya sebanyak 191 kali. Buku teks *Pendidikan Moral* agak kurang menggunakannya iaitu sebanyak 60 kali begitu juga buku teks *Bahasa Melayu* yang hanya 32 kali menggunakannya.

### 3.2.4 PENAKRIFAN

BUKU TEKS	BIL.	PERATUS
Bahasa Melayu	4	3.74
Sejarah	40	37.38
Sains	58	54.21
Pendidikan Moral	5	4.67
Jumlah	107	100.00

Sesuatu perkataan atau frasa yang sukar perlu diberi maksud atau takrif. Untuk itu, kaedah penakrifan ini amat diperlukan bagi memudahkan pelajar memahami satu-satu perkataan atau konsep. Kaedah penulisan ini paling kerap digunakan dalam buku teks *Sains*, iaitu sebanyak 58 kali. Buku teks *Sejarah* juga agak kerap menggunakan iaitu sebanyak 40 kali. Kaedah ini kurang menjadi pilihan untuk digunakan dalam buku teks *Bahasa Melayu* dan *Pendidikan Moral* kerana masing-masing menggunakan sebanyak 4 dan 5 kali sahaja.

### 3.2.5 PERBANDINGAN

BUKU TEKS	BIL.	PERATUS
Bahasa Melayu	3	5.26
Sejarah	32	56.14

Sains	22	38.60
Pendidikan Moral	-	-
Jumlah	57	100.00

Perbandingan perlu dilakukan dalam banyak perkara terutamanya apabila ingin mengkaji persamaan dan perbezaan akan sesuatu, begitu juga dalam buku teks. Hasil penelitian mendapati buku teks *Sejarah* dan *Sains* sekali lagi merupakan buku teks yang menggunakan sesuatu jenis penulisan itu dengan kerap. Kaedah perbandingan digunakan sebanyak 32 kali dalam buku teks *Sejarah* dan 22 kali dalam buku teks *Sains*. Buku teks *Bahasa Melayu* hanya menggunakan alat penulisan ini sebanyak 3 kali manakala buku teks *Pendidikan Moral* tidak langsung menggunakannya.

### 3.2.6 PETIKAN

BUKU TEKS	BIL.	PERATUS
Bahasa Melayu	1	5.55
Sejarah	8	44.45
Sains	5	27.78
Pendidikan Moral	4	22.22
Jumlah	18	100.00

Petikan sama ada secara langsung atau tidak diperlukan dalam penulisan bagi menguatkan fakta atau hujah. Namun begitu, kaedah penulisan ini didapati tidak begitu digemari berdasarkan kekerapan penggunaannya yang terlalu sedikit. Buku teks *Sejarah* menggunakannya sebanyak 8 kali, *Sains* 5 kali, *Pendidikan Moral* 4 kali dan dalam buku teks *Bahasa Melayu*, hanya sekali. Penggunaan kaedah petikan ini didapati agak seimbang antara semua teks berbanding alat penulisan yang lain.

### 3.2.7 PENGEELASAN

BUKU TEKS	BIL.	PERATUS
Bahasa Melayu	3	6.67
Sejarah	20	44.44
Sains	21	46.67
Pendidikan Moral	1	2.22
Jumlah	45	100.00

Bagi mengasingkan sesuatu perkara atau bahagian mengikut kumpulan atau jenisnya, pengelasan perlu dilakukan. Kerana itu, buku teks *Sains* agak kerap menggunakan kaedah penulisan ini iaitu sebanyak 21 kali, begitu juga dengan buku teks *Sejarah* yang menggunakannya sebanyak 20 kali. Buku teks *Bahasa Melayu* pula hanya menggunakan sebanyak 6 kali manakala

hanya sekali kaedah penulisan ini digunakan dalam buku teks Pendidikan Moral.

### 3.2.8 ANEKDOT

BUKU TEKS	BIL.	PERATUS
Bahasa Melayu	-	-
Sejarah	-	-
Sains	-	-
Pendidikan Moral	6	100.00
Jumlah	6	100.00

Anekdot atau cerita ringkas yang lucu boleh memberikan keseronokan dalam apa juga jenis penulisan dan pembacaan. Malangnya kaedah penulisan ini hanya digunakan dalam buku teks *Pendidikan Moral*, iaitu sebanyak 6 kali yang ditemui dalam satu bab sahaja sedangkan buku teks lain langsung tidak menggunakannya.

### 3.2.9 SATIRA

BUKU TEKS	BIL.	PERATUS
Bahasa Melayu	2	100.00
Sejarah	-	-
Sains	-	-

Pendidikan Moral	-	-
Jumlah	2	100.00

Seperti Anekdot, Satira juga boleh menceriakan pembacaan. Namun demikian, Satira hanya ditemui dalam buku teks *Bahasa Melayu* sebanyak dua kali. Kaedah penulisan dikesan dengan penggunaan dua rangkap pantun yang merupakan karya puisi dan tidak ditemui dalam penulisan bersifat prosa seperti yang digunakan dalam semua teks.

### 3.2.10 PENAMSILAN

BUKU TEKS	BIL.	PERATUS
Bahasa Melayu	-	
Sejarah	-	
Sains	3	100.00
Pendidikan Moral		
Jumlah	3	100.00

Seperti kaedah penulisan satira dan anekdot yang dapat dikesan daripada sebuah buku teks sahaja, begitu juga alat penulisan penamsilan yang hanya ditemui dan digunakan dalam buku teks *Sains*. Kaedah penulisan ini ditemui sebanyak tiga kali iaitu digunakan ketika membuat percontohan dan perbandingan sesuatu tindakan atau proses yang dijalankan.

### 3.2.11 LAIN-LAIN

BUKU TEKS	BIL.	PERATUS
Bahasa Melayu	3	6.98
Sejarah	6	13.95
Sains	4	9.30
Pendidikan Moral	30	69.76
Jumlah	43	100.00

Bahasa figuratif, ungkapan, pepatah, bidalan, perumpamaan, peribahasa dan simpulan bahasa, madah selain bentuk penulisan penceritaan merupakan kaedah penulisan lain yang biasa digunakan bagi mempelbagaikan gaya penulisan. Buku teks *Pendidikan Moral* menggunakan alat penulisan ini paling kerap (30 kali) terutama dalam pemilihan bahannya iaitu, berbentuk cerita. Penggunaan peribahasa, ungkapan dan pepatah dalam buku teks *Sejarah* pula dikesan sebanyak 6 kali. Buku teks *Bahasa Melayu* hanya menggunakan bahasa figuratif, pantun dan perumpamaan manakala buku teks *Sains* pula menggunakan pendekatan penulisan berbentuk penceritaan sebanyak 4 kali.

### **3.3 ANALISIS PENGGUNAAN KAEDAH PENCERAKINAN**

Kaedah penulisan pencerakinan merupakan kaedah penulisan yang penting dalam persembahan penulisan keempat-empat buah buku teks yang dikaji. Setiap huraian dan penerangan dicerakinkan satu persatu supaya perkara yang diterangkan menjadi lebih jelas dan mudah difahami oleh pelajar. Huraian setiap ayat dalam setiap perenggan saling berhubungan menjadikan persembahan penulisan dalam penggunaan kaedah pencerakinan ini kelihatan begitu ketara. Fungsi penggunaan kaedah ini dalam kesemua teks adalah sama, iaitu memberi penjelasan atau analisis terhadap semua perkara sama ada topik, tema, penceritaan peristiwa, fakta atau konsep.

Kaedah pencerakinan ini juga digunakan dalam mencerakinkan alat penulisan lain. Dalam setiap perenggan yang dicerakinkan dalam kesemua buku teks yang dikaji, kaedah lain turut ditemui terutamanya dalam buku teks *Sejarah* dan *Sains*. Perbezaan penggunaan kaedah penulisan ini hanya dapat dilihat melalui fungsi isi kandungan sesebuah buku teks. Misalnya, dalam buku teks *Sejarah* kaedah pencerakinan ini digunakan bagi mencerakinkan peristiwa sejarah yang kadangkala bersifat penceritaan fakta.

Di samping itu, fungsi kurikulum mata pelajaran Sejarah melibatkan suatu proses inkuiiri untuk menyelidik dan memahami masyarakat manusia yang memerlukan kemahiran seperti mentafsir, menganalisis, mengkritik dan menilai. Oleh yang demikian , setiap kemahiran itu perlu dicerakinkan dalam isi kandungan buku teksnya supaya matlamat kurikulum itu dapat tercapai. Kaedah pencerakinan dalam buku teks *Sejarah* digunakan untuk mencerakinkan proses sejarah bagi menerangkan dengan lebih teliti dan terperinci sesuatu peristiwa mengikut susunan kronologinya.

Dalam buku teks *Sains* pula, pencerakinan proses semulajadi atau saintifik digunakan sebagai penerangan langkah demi langkah terhadap setiap konsep atau prinsip yang dipersembahkan dalam setiap bab dengan aplikasi yang lebih luas dari sudut kehidupan harian. Pencerakinan ini dilakukan supaya pelajar memperoleh pengetahuan dan kefahaman tentang konsep dan prinsip sains dan mengaitkannya dengan pengalaman sehari-hari. Dengan penerangan dan pencerakinan proses langkah demi langkah, akan memudahkan pelajar memahami apa yang ingin disampaikan.

Dalam buku teks *Bahasa Melayu* dan *Pendidikan Moral* pula, kaedah pencerakinan digunakan bagi mencerakinkan tema setiap unit/bab dalam perenggan-perenggan yang saling berhubungan. Oleh sebab buku teks merupakan media sehala, pencerakinan langkah demi langkah setiap ayat

dalam huraian dan penerangannya adalah perlu bagi memudahkan pembaca memahaminya.

Di bawah ini diperturunkan beberapa contoh perenggan yang menggunakan kaedah pencerakinan:

Haiwan herbivor seperti lembu dan kambing mempunyai perut sementara arnab mempunyai sekum dan apendiks besar yang mengandungi pelbagai jenis bakteria dan protozoa. Bakteria dan protozoa merembeskan enzim dan selulase untuk mencernakan selulosa kepada gula. Sebahagian kecil gula itu digunakan oleh bakteria dan yang lainnya akan diserap oleh haiwan tersebut. Ini adalah satu contoh bagaimana dua organisme saling bersandaran antara satu dengan lain. Bakteria dan protozoa memperoleh tempat perlindungan, manakala haiwan herbivor memperoleh gula daripada selulosa. Perhubungan seperti ini dinamakan simbiosis (*Sains Tingkatan 5 – muka surat 16*).

Perenggan ini dicerakinkan dengan baik kerana adanya pertalian yang erat antara ayat sebelum dan selepasnya. Terdapat beberapa kaedah penulisan lain digunakan dalam perenggan di atas, iaitu kaedah perbandingan, percontohan dan penakrifan. Perhatikan pula contoh di bawah:

Seseorang rakyat akan menurut dan menjalankan titah raja dan perintah kerajaan dengan penuh ketaatan dan kesetiaan. Peribahasa Melayu ada menyebut, "Kerja raja dijunjung, kerja sendiri dikelek". Seseorang yang enggan mengakui kedaulatan sultan dianggap menderhaka. Keengganan mengakui kedaulatan sultan termasuklah menipu sultan, memalsukan cop mohor diraja, membuat

kacau bilau di dalam negeri, membelot, membunuh, dan memfitnah orang. Perbuatan seperti ini boleh mencetuskan huru-hara dalam masyarakat (*Sejarah Tingkatan 5* – muka surat 24).

Perenggan di atas selain menggunakan kaedah pencerakinan turut menggunakan kaedah percontohan, iaitu percontohan berganda dan kaedah penulisan lain, iaitu peribahasa.

### **3.4 ANALISIS PENGGUNAAN KAEDAH PENJEJAKAN**

Apabila sesuatu kejadian, peristiwa atau perkara yang telah berlaku dan disebut semula dengan memasukkan tarikh atau tahun berlakunya, kaedah penulisan penjejakkan telah digunakan. Kaedah penulisan ini digunakan dalam persembahanan penulisan setelah dibuktikan kesahihan satu-satu peristiwa atau kejadian itu. Sehubungan dengan itu, alat penulisan ini menjadi salah satu alat penulisan yang begitu penting dalam penulisan bercorak sejarah atau pensejarahan kerana sejarah menjadi penghubung keadaan masa kini dengan masa silam dan masa akan datang.

Buku teks *Sejarah Tingkatan 5* yang dikaji didapati telah menggunakan 391 kali kaedah penjejakkan. Kaedah penulisan ini paling banyak digunakan dalam Bab 3 iaitu sebanyak 136 kali. Ini diikuti dengan Bab 4 sebanyak 69 kali, Bab 7 (52 kali), Bab 5 (43 kali), Bab 6 (41 kali), Bab 2 (29 kali) dan Bab

1 (21 kali). Oleh sebab ia merupakan mata pelajaran yang menyampaikan peristiwa-peristiwa sejarah, kaedah penulisan ini ditemui hampir dalam kesemua perenggannya. Kadangkala, lebih daripada sekali kaedah penulisan ini digunakan dalam satu perenggan seperti yang terdapat dalam contoh di bawah yang menggunakan penjejakan sebanyak tiga kali.

Pada abad ke-15, negeri-negeri Melayu telah mempunyai sistem pemerintahan dan pentadbirannya sendiri. Kesultanan Melayu Melaka merupakan pemerintahan bercorak kesultanan yang terawal di negara kita. Kesultanan ini telah diasaskan oleh Parameswara pada sekitar tahun 1400. Melaka telah meluaskan empayarnya dengan menguasai seluruh kawasan Semenanjung Tanah Melayu dan sebahagian pantai timur Sumatera. Walaupun Melaka telah ditakluk oleh Portugis pada tahun 1511, tetapi ini tidak bermakna Kesultanan Melayu Melaka terus lenyap. Sebaliknya Kesultanan Melayu Melaka telah diteruskan oleh Kesultanan Johor yang mewarisinya selepas tahun-tahun 1520-an. Pada masa yang sama di Pulau Borneo, Sarawak terletak di bawah Kesultanan Brunei dan sebahagian Sabah pula terletak di bawah Kesultanan Sulu (muka surat 23).

Kaedah penulisan ini agak banyak digunakan dalam buku teks *Pendidikan Moral*. Pemilihan bahan seperti penceritaan tentang tokoh yang berkaitan dengan sejarah yang mengandungi banyak unsur nilai murni menyebabkan kaedah penjejakan kerap digunakan dalam buku teks ini. Di samping itu, pemilihan rencana yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa

penting yang telah berlaku di dalam dan luar negara, turut menyebabkan mengapa kaedah penulisan ini menjadi pilihan. Beberapa contoh penggunaan kaedah penjejakan dalam buku teks *Pendidikan Moral* diperturunkan di bawah ini.

Pada bulan November 1989, rakyat Romania telah memberontak menyingkirkan kerajaan komunis pimpinan diktator Nicole Ceaucescu dan berjaya mewujudkan kerajaan demokrasi pilihan mereka (muka surat 37).

Laporan Kementerian Kesihatan itu juga menyatakan bahawa pada 31 Mei 1992, penghidap penyakit AIDS di negara ini berjumlah 52 orang dan 35 daripada mereka telah pun meninggal dunia (muka surat 125).

Penggunaan kaedah penjejakan hanya digunakan sebanyak 24 kali dalam buku teks *Sains Tingkatan 5*. Kaedah penulisan ini digunakan ketika menceritakan semula asal penemuan serta hasil kajian sesuatu, sebagai contoh serta penerangan kepada beberapa peristiwa yang berkaitan dengan topik yang dibincangkan. Contoh-contoh penggunaan kaedah penjejakan dalam buku teks Sains antaranya adalah seperti berikut:

Telefon yang pertama telah dicipta oleh Alexander Graham Bell pada tahun 1876(muka surat 191).

Pada 20 ogos 1964, wakil 11 buah negara telah berhimpun di Washington bagi membentuk 'International Telecommunication Satellite Organisation (INTELSAT) (muka surat 196).

Ribut taufan menyebabkan kerosakan besar terutamanya apabila berlaku di kawasan pantai seperti yang berlaku di Teluk Bengala pada tahun 1973 (muka surat 207).

Buku teks *Bahasa Melayu* hanya menggunakan 23 kali kaedah penjejakan, iaitu menyamai jumlah penggunaannya dalam buku teks *Sains*. Penggunaan alat penulisan penjejakan dalam buku teks Bahasa Melayu ini seperti dalam buku teks *Pendidikan Moral*, bergantung kepada pemilihan bahan dalam unit/bab. Walau bagaimanapun, tidak ada bahan berbentuk sejarah dimuatkan dalam buku teks *Bahasa Melayu*. Kaedah penjejakan digunakan dalam buku teks ini dalam bahan-bahan berbentuk fakta dan maklumat. Contohnya:

Pada tahun 1985, negara ini memperoleh \$140.8 juta sebagai hasil daripada eksport lada hitam(muka surat 244).

Pertubuhan ini mula aktif pada tahun 1969, iaitu dengan mengadakan Persidangan Pertama Raja-Raja dan Ketua-Ketua Negara Islam pada bulan September 1969, di Rabat, Maghribi (muka surat 400).

### **3.5 ANALISIS PENGGUNAAN KAEDAH PERCONTOHAN**

Percontohan digunakan dalam penulisan bagi menguatkan hujah akan fakta dan maklumat yang disampaikan. Kaedah penulisan ini digunakan sama ada secara langsung dengan menggunakan perkataan ‘seperti’, ‘contohnya’, ‘misalnya’ atau secara tidak langsung tanpa menggunakan perkataan-perkataan tersebut. Kedua-dua cara ini ditemui dalam keempat-empat buku teks yang dikaji. Dapatan daripada analisis menunjukkan bahawa buku teks *Sejarah* paling banyak menggunakan kaedah penulisan ini berbanding buku teks yang lain. Ini secara tidak langsung telah membuktikan bahawa objektif kandungan mata pelajaran Sejarah digubal untuk memberi gambaran bahawa sejarah sebagai suatu proses mencari kebenaran berdasarkan fakta dan bukti-bukti yang sahih.

Percontohan paling banyak digunakan dalam Bab 2 buku teks *Sejarah* iaitu sebanyak 69 kali. Ini diikuti dengan Bab 1 (39 kali), Bab 3 (22 kali), Bab 7 (18 kali), Bab 6 (17 kali), Bab 4 (14 kali) dan Bab 5 (8 kali). Dalam kesemua bab, percontohan berganda paling banyak digunakan berbanding percontohan mengembang. Antara contoh-contoh yang dipersembahkan dalam penulisan buku teks *Sejarah* ialah:

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dalam sistem pembesar di antara negeri-negeri Melayu, **contohnya** Negeri Sembilan, Kelantan dan Perlis (muka surat 23).

Kesenian Jawa juga berpengaruh di Melaka, **misalnya** Hikayat Hang Tuah banyak mengandungi unsur sastera panji Jawa (muka surat 34).

Di istana raja-raja Melayu, hamba perempuan dikenali dengan beberapa nama, **seperti** dayang-dayang, betibeti dan perwara (muka surat 39).

Dalam buku teks *Sains* pula percontohan digunakan sebanyak 191 kali. Seperti buku teks *Sejarah*, percontohan berganda paling banyak digunakan berbanding percontohan mengembang. Penggunaan percontohan dalam buku teks ini didapati agak seimbang iaitu 50 kali digunakan dalam Bab 2, 38 kali dalam Bab 1, 34 kali dalam Bab 5, 33 kali dalam Bab 3 dan 26 kali dalam Bab 4. Buku teks ini turut menggunakan perkataan 'seperti', 'contohnya', dan 'misalnya' dalam menyampaikan percontohan. Perbezaan penggunaan percontohan dalam buku teks ini dengan buku teks lain ialah menggunakan corak penulisan berbentuk nota ringkas dalam beberapa percontohnya. Contoh-contoh alat penulisan percontohan yang digunakan ialah seperti berikut:

Semua protozoa hidup dalam persekitaran berair **seperti** laut, sungai, tasik, parit dan juga bendali dalam badan (*Sains Tingkatan 5* - muka surat 7).

Antara penyakit yang disebabkan patogen adalah **seperti** berikut:

- Tibi, taun, siflis dan gonorea yang disebabkan bakteria
- Selsema, denggi, hepatitis, poliomielitis, demam campak, beguk dan AIDS yang disebabkan virus.
- Kurap dan panau yang disebabkan kulat.
- Malaria dan disenteri yang disebabkan protozoa (*Sains Tingkatan 5* - muka surat 21).

**Contoh-contoh** penyakit lain yang boleh berjangkit dengan cara ini ialah tibi, poliomielitis dan difteria (*Sains Tingkatan 5* - muka surat 29).

**Misalnya**, pengumpulan dan pembuangan tin kosong, botol dan tayar buruk akan mengurangkan tempat pembiakan nyamuk. (*Sains Tingkatan 5* - muka surat 33)

Buku teks *Bahasa Melayu* dan buku teks *Pendidikan Moral* tidak banyak menggunakan kaedah penulisan ini berbanding jumlah unit/bab yang ada iaitu 20 unit dalam buku teks *Bahasa Melayu* dan 34 bab dalam buku teks Pendidikan Moral. Buku teks *Pendidikan Moral* menggunakan 60 percontohan daripada keseluruhan bab yang ada manakala buku teks *Bahasa Melayu* pula menggunakan 32 percontohan dalam 20 unitnya. Contoh-contoh kaedah percontohan daripada kedua-dua buku teks tersebut dapat dilihat di bawah ini.

Oleh itu, tidak hairanlah masyarakat hari ini menganggap tugas ibu atau isteri **seperti** mencuci, memasak, dan mendidik anak-anak bukan sebagai ‘kerja’, kerana usaha ini tidak mendatangkan gaji atau upah (*Bahasa Melayu Tingkatan 5 – muka surat 49*).

**Sebagai contoh**, kini profesion perguruan tidak dihormati (*Bahasa Melayu Tingkatan 5 – muka surat 49*).

Kelapa sawit, **umpamanya**, lebih sesuai ditanam ditanah rendah dan sebaliknya tidak begitu sesuai ditanam di kawasan tanah curam (*Bahasa Melayu – muka surat 181*).

Di tempat itu sudah ada kemudahan **seperti** kedai, sekolah, masjid, pejabat kerajaan dan sebagainya (*Pendidikan Moral Tingkatan 5 – muka surat 13*).

**Sebagai contoh**, kuasa-kuasa besar lebih berminat membangunkan negara-negara bekas komunis di Eropah Timur (*Pendidikan Moral Tingkatan 5 – muka surat 170*).

Kesemua percontohan tersebut disampaikan secara langsung dengan menggunakan perkataan ‘seperti’, ‘contohnya’, ‘misalnya’ atau ‘umpamanya’. Terdapat juga penggunaan percontohan secara tidak langsung seperti yang digunakan dalam buku teks *Sains Tingkatan 5*, iaitu:

Gejala selsema mula timbul dalam masa hanya 12 jam – 78 jam selepas virus selsema masuk ke dalam badan. Ini termasuklah mata yang berair, bersin, perembesan mukus dari hidung dan radang pada membran hidung sehingga menyebabkan kesesakan nafas (muka surat 23).

Terdapat juga banyak jenis sebatian organik yang sebilangan atau kesemua atom hidrogen dan oksigen digantikan dengan nitrogen, sulfur, fosforus, klorin atau atom-atom lain (muka surat 51).

### 3.6 ANALISIS PENGGUNAAN KAEDAH PENAKRIFAN

Kaedah penakrifan digunakan dalam semua buku teks bagi memberi maksud terhadap sesuatu perkataan, istilah, atau konsep yang agak sukar dan perlu diberi penjelasan lanjut. Didapati beberapa jenis penakrifan digunakan dalam keempat-empat buku teks yang dikaji. Namun begitu, penggunaannya didapati tidak seimbang antara semua teks. Keadaan ini memperlihatkan alat penulisan ini penting bagi mata pelajaran-mata pelajaran tertentu sahaja seperti mata pelajaran *Sains* dan *Sejarah*.

Sesuatu yang menarik berkenaan kaedah penulisan ini ialah cara ia disampaikan. Keempat-empat buku teks memilih perkataan yang berbeza bagi mentakrifkan atau mendefinisikan sesuatu perkataan itu. Pemilihan perkataan yang berbeza ini menggambarkan corak persembahan penulisan yang tersendiri antara semua teks. Dalam buku teks *Sains*, perkataan ‘ialah’, ‘adalah’, ‘ditakrifkan’, dan ‘dinamakan’ digunakan bagi memberikan takrifan. Contohnya:

Protozoa **ialah** mikroorganisma unisel yang jauh lebih besar daripada bakteria (muka surat 5).

Alga **adalah** tumbuhan ringkas yang tidak mempunyai akar, batang atau daun (muka surat 7).

Organisma yang bergantung hidup kepada organisme lain **dinamakan** parasit (muka surat 21).

Corak penulisan ini kerap digunakan dalam buku teks Sains. Selain memberikan takrifan terhadap sesuatu perkataan atau istilah terutamanya istilah khusus dalam sains, penakrifan dalam buku teks *Sains Tingkatan 5* digunakan bagi menghuraikan atau menerangkan sesuatu formula, iaitu suatu perkara yang begitu dipentingkan dalam mata pelajaran sains. Contohnya:

Satu daya yang disebarluaskan kepada luas permukaan yang besar memberi kesan yang kurang berbanding dengan daya yang sama disebarluaskan kepada luas permukaan yang kecil. Kesan yang dimaksudkan di sini ialah tekanan. Oleh itu, tekanan boleh **ditakrifkan** sebagai daya per unit dan boleh ditulis seperti berikut:

$$\text{Tekanan} = \frac{\text{daya}}{\text{Luas}}$$

(muka surat 165)

Sebanyak 58 kali kaedah penulisan ini digunakan dalam buku teks ini, iaitu 20 kali dalam Bab 1, 13 kali dalam Bab 2, 7 kali dalam Bab 3, 14 kali

dalam Bab 4 dan 4 kali sahaja dalam Bab 5. Keadaan ini menunjukkan kaedah penakrifan digunakan dengan agak seimbang dalam semua bab. Keadaan ini berbeza dengan penggunaannya dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5*.

Buku teks *Sejarah Tingkatan 5* menggunakan penakrifan sebanyak 40 kali. Daripada analisis, didapati Bab 2 paling banyak menggunakannya iaitu sebanyak 20 kali. Ini diikuti dengan Bab 5 sebanyak 12 kali dan Bab 1 sebanyak 4 kali. Bab 7 menggunakannya sebanyak 2 kali manakala Bab 3, 4 dan 5 masing-masing hanya menggunakan sekali sahaja. Tidak seperti buku teks *Sains Tingkatan 5*, penggunaan kaedah penulisan ini didapati tidak seimbang penggunaannya dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* walaupun kesemua bab menggunakan alat penulisan ini.

Seperti buku teks *Sains Tingkatan 5*, buku teks *Sejarah Tingkatan 5* turut memilih perkataan ‘ialah’ dan ‘adalah’ bagi memberikan takrifan di samping menggunakan perkataan lain iaitu ‘ertinya’, ‘diertikan’ ‘bererti’, ‘bermaksud’, ‘dinamakan’ dan ‘**berasal**’ (bagi takrifan asal-usul). Pemilihan perkataan ini memberikan kelainan dan perbezaan antara kedua-dua teks berkenaan. Contoh penggunaan perkataan tersebut dalam persembahan penulisannya dapat dilihat seperti berikut:

Amirul-Mukminin **ertinya** pemimpin bagi orang mukmin (*Sejarah Tingkatan 5* - muka surat 24 ).

Menobat bolehlah **dieritikan** berkuasa (*Sejarah Tingkatan 5* - muka surat 28 ).

Sistem Pembesar Empat Lipatan **bererti** kumpulan pembesar yang juga menjadi pegawai pentadbir sesebuah kerajaan (*Sejarah Tingkatan 5* - muka surat 27).

Nobat atau naubat **berasal** daripada bahasa Sanskrit iaitu gabungan perkataan nau atau nava yang bererti sembilan dan bah yang bermaksud gabungan, iaitu gabungan sembilan alat (*Sejarah Tingkatan 5* - muka surat 26).

Hamba raja **ialah** mereka yang menawarkan diri untuk menjadi hamba di istana dan melakukan semua jenis pekerjaan (*Sejarah Tingkatan 5* - muka surat 39 ).

Santeri **adalah** istilah lama bagi penuntut ilmu yang merantau dari satu tempat ke satu tempat (*Sejarah Tingkatan 5* - muka surat 39).

Kebudayaan **bermaksud** keseluruhan cara hidup yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir, serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat (*Sejarah Tingkatan 5* - muka surat 39).

Di samping mempunyai tugas tertentu, pembesar peringkat pusat juga diberi kuasa untuk mentadbir kawasan tertentu. Contohnya, Muar dan Bintan ditadbir oleh Bendahara, Sening Hujung dan Kampar diserahkan kepada Penghulu Bendahari, sementara Laksamana pula mentadbir Siantan dan Sungai Raya. Kawasan-kawasan ini **dinamakan** pegangan (*Sejarah Tingkatan 5* - muka surat 27).

Walaupun buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 5* dan *Bahasa Melayu Tingkatan 5* paling kurang menggunakan kaedah penulisan ini jika dibandingkan dengan buku teks *Sains Tingkatan 5* dan *Sejarah Tingkatan 5*, namun kedua-dua buku ini turut menggunakan corak persembahan penulisan yang berbeza dalam menyampaikan penakrifan. Buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 5* memilih perkataan ‘bermakna’, ‘yang dimaksudkan’ dan ‘disebut’ dalam penulisannya manakala buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5* memilih perkataan ‘ditakrifkan’. Corak persembahan penulisan ini dapat dilihat melalui contoh di bawah.

Peristroika dalam bahasa Russia **bermakna** bersikap lebih terbuka dan sanggup menerima idea-idea baru demi kebaikan dan kemajuan negara (*Pendidikan Moral Tingkatan 5* - muka surat 380).

**Yang dimaksudkan** dengan cukai ialah sejumlah wang yang dipungut mengikut kadar tertentu daripada pendapatan, harta, jualan dan sebagainya (*Pendidikan Moral Tingkatan 5* - muka surat 88).

Pengetahuan tentang perkara yang berlaku di sekeliling kita diperoleh melalui pengalaman, pemerhatian, dan penaakulan. Misalnya pada suatu hari kita ternampak kucing memakan ikan. Setelah itu kita beberapa kali ternampak kucing memakan ikan. Lantas kita merumuskan kucing memakan ikan. Rumusan begini **disebut** generalisasi (*Pendidikan Moral Tingkatan 5* - muka surat 139).

Pada umumnya, industri kecil **ditakrifkan** sebagai industri yang menggunakan modal kurang daripada \$250,000 atau menggunakan pekerja kurang daripada 50 orang (*Bahasa Melayu Tingkatan 5* - muka surat 314).

Industri desa **ditakrifkan** sebagai perusahaan yang bertempat di desa (*Bahasa Melayu Tingkatan 5* - muka surat 314).

Penggunaan kaedah penakrifan dalam semua buku teks ini dari segi fungsinya adalah sama, iaitu untuk memberi penerangan lanjut dan lebih jelas akan maksud sesuatu perkataan atau istilah. Buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5* ini terlalu sedikit menggunakannya disebabkan pemilihan bahan untuk setiap unit untuk komponen kemahiran membaca dan memahami berbentuk rencana ringkas antara 1 hingga 3 muka surat. Begitu juga dalam pemilihan bahan yang pelbagai dalam buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 5* seperti surat kiriman tidak rasmi, lakonan, cerpen atau cerita, puisi , drama atau perbualan, wawancara dan autobiografi. Pemilihan bahan dan jumlah halaman yang sedikit mempengaruhi jumlah kaedah penulisan yang digunakan. Keadaan ini berbeza dengan buku teks *Sains Tingkatan 5* dan *Sejarah Tingkatan 5*. Dengan jumlah halaman antara 15 hingga 30 untuk satu bab, memungkinkan banyak kaedah penulisan digunakan.

Daripada contoh-contoh yang diberi, dapat dibuat analisis bahawa buku teks *Sejarah Tingkatan 5* menggunakan gaya persempahan penulisan yang pelbagai dalam menyampaikan penakrifan jika dibandingkan dengan buku teks lain. Penggunaan perkataan yang berlainan memberikan kesan kepelbagaian gaya dalam penulisannya menjadikan penyampaian alat

penulisan ini tidaklah hanya dalam satu gaya atau bentuk penulisan sahaja yang mungkin akan menjemukan pembaca atau pelajar.

Buku teks *Sains Tingkatan 5* dan *Pendidikan Moral Tingkatan 5* juga memilih perkataan yang berbeza bagi menyampaikan penakrifan. Namun begitu, jumlah penggunaan kaedah penulisan ini dalam kedua-dua buku teks terlalu jauh berbeza. Walaupun jumlah pemilihan perkataan dalam menyampaikan penakrifan hampir sama tetapi kekerapan penggunaannya jauh berbeza. Buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5* pula memilih perkataan yang sama dalam persembahan penulisannya yang menunjukkan tidak ada kepelbagaian apatah lagi kaedah penulisan ini hanya ditemui dalam unit yang sama.

### **3.7 ANALISIS PENGGUNAAN KAEDAH PERBANDINGAN**

Kaedah perbandingan hanya dikesan dalam tiga buah daripada empat buah buku teks yang dianalisis. Buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 5* tidak langsung menggunakan kaedah penulisan ini. Buku teks *Sejarah Tingkatan 5* sekali lagi menjadi buku teks yang paling banyak menggunakan satu-satu kaedah penulisan dengan kekerapan penggunaan kaedah perbandingan sebanyak 32 kali manakala buku teks *Sains Tingkatan 5* pula menggunakan sebanyak 22 kali, iaitu 10 kali lebih kurang daripada buku

teks *Sejarah Tingkatan 5*. Buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5* pula paling kurang menggunakannya, iaitu sebanyak 3 kali sahaja. Keadaan ini memberikan gambaran kaedah penulisan ini tidak begitu menjadi pilihan dalam persembahan penulisan buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5*.

Kaedah perbandingan dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* dipersembahkan sekurang-kurangnya dalam satu perenggan dengan penerangan yang agak panjang lebar. Kaedah penulisan ini paling banyak dikesan dalam Bab 4 dengan tajuk "Pembentukan Ekonomi Moden". Dalam bab ini, kaedah perbandingan digunakan bagi membandingkan corak serta pelaksanaan ekonomi dari pertengahan abad ke 19 hingga ke awal abad 20. Perbandingan dibuat bagi menunjukkan perbezaan ekonomi antara negeri atau kawasan di Semenanjung Tanah Melayu selain turut membandingkannya dengan Sabah dan Sarawak. Perbandingan juga dibuat membuat perbezaan sistem ekonomi antara dahulu dengan zaman sekarang. Kaedah penulisan ini digunakan secara tidak langsung dan dicerakinkan dalam satu hingga tiga perenggan dengan penerangan yang panjang lebar. Salah satu contoh perbandingan yang dibuat ialah:

Selain itu, beberapa buah bandar baharu seperti Taiping, Kuala Lumpur dan Seremban, muncul di kawasan perlombongan bijih timah. Pada mulanya bandar-bandar ini hanyalah sebagai pusat untuk menyediakan barang keperluan kepada pelombong serta pengumpul bijih timah. Di Sarawak, pembangunan dan perkembangan

bandar Miri pula adalah berhubung rapat dengan pengeluaran petroleum. Kemudianya, pusat-pusat tersebut akan menjadi bandar apabila penduduknya bertambah (*Sejarah Tingkatan 5* - muka surat 107).

Sementara itu, dalam buku teks *Sains Tingkatan 5* pula, kaedah perbandingan turut kerap digunakan dalam Bab 4 dengan tajuk Pengangkutan dan Komunikasi. Alat penulisan ini digunakan sebagai contoh, perbezaan tindakan serta sifat sesuatu unsur dan perbezaan operasi sesuatu sistem. Tidak seperti teknik penulisan dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5*, kaedah perbandingan dalam buku teks *Sains Tingkatan 5* dipersembahkan dalam satu perenggan yang agak ringkas dan adakalanya disampaikan dalam bentuk analogi. Contoh perbandingan dalam buku teks Sains antaranya ialah:

Perbezaan utama antara enjin diesel dengan enjin petrol adalah cara bahan api itu dinyalakan. Enjin diesel tidak menggunakan palam pencucuh (*Sains Tingkatan 5* - muka surat 153).

Berbeza dengan pepejal, cecair menempati mengikut bekasnya. Oleh itu, cecair menyentuh semua permukaan bekasnya tersebut (*Sains Tingkatan 5* - muka surat 167).

Berat adalah daya graviti yang bertindak ke atas suatu objek. Tidak seperti jisim, berat sesuatu objek berbeza-beza mengikut kedudukannya di bumi (*Sains Tingkatan 5* - muka surat 183).

Corak persembahan kaedah perbandingan dalam kedua-dua teks didapati berbeza, iaitu buku teks *Sejarah Tingkatan 5* menyampaikan perbandingan secara tidak langsung sedangkan buku teks *Sains Tingkatan 5* menyampaikannya secara langsung dengan menggunakan perkataan dan frasa yang menunjukkan perbezaan. Perkataan dan frasa ‘perbezaan’, ‘berbeza’ dan ‘tidak seperti’ dalam buku teks *Sains Tingkatan 5* menunjukkan bahawa ‘perbandingan sedang dilakukan’. Kaedah perbandingan dalam buku teks *Sains Tingkatan 5* diperlukan bagi membandingkan contoh tindakan dan sifat sesuatu unsur apabila sesuatu eksperimen dijalankan manakala dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* pula kaedah ini diperlukan bagi membandingkan peristiwa.

Kaedah perbandingan dalam buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5* tidak mempunyai fungsi yang tetap seperti buku teks *Sejarah Tingkatan 5* dan *Sains Tingkatan 5* kerana penggunaannya yang terlalu sedikit. Kaedah penulisan ini hanya digunakan atau dikesan berdasarkan penggunaan dan pemilihan bahan dalam unit.

### **3.8 ANALISIS PENGGUNAAN KAE DAH PETIKAN**

Kaedah petikan yang biasa digunakan dalam penulisan ialah dengan memetik pendapat orang lain yang berwibawa bagi mengukuhkan hujah dan fakta di samping memetik ayat atau perkataan serta sumber-sumber tertentu daripada bahan penerbitan lain seperti buku atau majalah dalam mempelbagaikan persempahan penulisan. Fungsi kaedah petikan dalam satu-satu persempahan penulisan ialah untuk menggambarkan idea utama, sebagai bukti, sebagai memberi takrifan terhadap sesuatu daripada pendapat orang lain serta untuk mengesan idea pengarang atau penulis. Di samping itu, kaedah penulisan ini juga turut digunakan untuk menyokong idea penulis.

Kaedah petikan tidak banyak digunakan dalam kesemua buku teks yang dikaji. Hasilan kajian mendapati hanya sekali sahaja petikan pendapat orang lain digunakan dalam kempat-empat buku teks berkenaan. Sementara itu buku teks *Sains Tingkatan 5* turut memetik rajah dan jadual daripada sumber lain manakala buku teks *Sejarah Tingkatan 5* mengambil petikan perbilangan adat sebagai contoh kepada penghuraian faktanya.

Buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5* menggunakan hanya sekali sahaja kaedah penulisan ini dan digunakan sebagai pendahuluan rencananya di Unit 3 begitu juga dengan buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 5* yang memilih

petikan berita daripada akhbar, juga sebagai pendahuluan rencananya untuk Bab 6. Buku teks *Sains Tingkatan 5* menggunakan kaedah penulisan ini sebanyak 4 kali dan buku teks *Sejarah Tingkatan 5* pula menggunakannya sebanyak 8 kali.

Buku teks *Sains Tingkatan 5* turut memetik pendapat orang lain serta mengambil petikan daripada sumber lain dalai menyampaikan maklumat dan mengukuhkan fakta yang dikemukakan. Contohnya dalai muka surat 105 di bawah tajuk "Nutrisi dan Pegeluaran Makanan", sumber dipetik dengan mengemukakan rajah daripada *Energy and Protein Requirements WHO Technical Series No. 522, 1973*. Dalai muka surat 109 pula di bawah tajuk yang sama, rajah yang dikemukakan dipetik daripada *Michael H.K Irwin, Overweight – A Problem for Millions, New York, 1973* bertujuan untuk meringkaskan prinsip-prinsip utama daripada tajuk yang dibincangkan. Sementara itu, dalai Bab 4 (muka surat 167) satu petikan pendapat dikemukakan dalai mengukuhkan maklumat dan fakta berkenaan tekanan dan sistem hidraulik, iaitu:

Konsep ini diperkenalkan oleh Blaise Pascal (1623 – 1662) yang menyatakan "apabila sesuatu cecair dimasukkan ke dalai satu bekas tertutup dan satu tekanan dikenakan ke atasnya, tekanan ini akan dipindahkan sama rata ke semua bahagian cecair itu."

Penggunaan kaedah petikan dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* agak menarik kerana pemilihan petikan yang pelbagai. Dalam Bab 2, 6 petikan ditemui dan 4 daripadanya adalah petikan perbilangan adat. Perbilangan adat ini dipetik di bawah sub-judul "Keamanan dan Keharmonian Rakyat". Petikan yang digunakan turut berfungsi sebagai contoh. Contoh perbilangan adat yang dipetik antaranya ialah:

Dalam masyarakat Adat Perpatih, amalan berkerjasama dan tolong-menolong menjadi undang-undang lisannya.

*Berat sama dipikul  
Ringan sama dijinjing  
Yang tiada sama dicari  
Sama sakit sama senang  
Ke bukit sama mendaki  
Ke lurah sama menuruni  
Dapat sama laba  
Hilang sama rugi* (muka surat 44).

Petikan gurindam turut ditemui dalam bab yang sama bagi memberikan contoh bagaimana tukang cerita memberikan gambaran akan sesuatu dengan menggunakan kata-kata yang indah.

Lazimnya dalam cerita penglipur-lara, untuk menggambarkan sesuatu suasana, Tok Selampit akan menggunakan kata puitis. Misalnya, Tok Selampit akan menggambarkan suasana menjelang siang seperti berikut:

*Fajar sedang menyinsing naik  
Kicak kicau burung murai*

*Taptibau melambung tinggi  
Berkuku balam di hujung bendul  
Terdengut puyuh panjang bunyi  
Puntung sejengkal tinggal sejari  
Itulah alamat hari nak siang* (muka surat 46).

Petikan Undang-undang Melaka turut digunakan dalam Bab 2 di bawah sub-topik ‘Undang-Undang Bertulis’, iaitu:

Fasal pertama dalam *Undang-undang Melaka* menyebut tugas utama seorang sultan ialah “Hendaklah raja-raja menjadikan orang besar-besar akan gantinya supaya tiada datang masyghul kepadanya” (muka surat 33).

Dalam Bab 3, petikan *Majalah al-Ikhwan* bertarikh 16 Oktober 1926 yang bertulisan jawi dimuatkan dalam satu muka surat. Dalam Bab 6 pula, petikan diambil daripada buku *Rancangan Malaysia Kedua* Halaman 1, dalam menerangkan tujuan pelaksanaan *Rancangan Malaysia Kedua*, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Petikan *Falsafah Pendidikan Negara* digunakan di bahagian akhir Bab 6 (muka surat 171). Petikan ini lebih bersifat sebagai ‘memenuhi ruang yang ada’ kerana dimuatkan di bahagian bawah ruangan kosong pada muka surat berkenaan dan tiada kaitan dengaan penulisan di halaman tersebut. Petikan pendapat hanya sekali digunakan seperti tiga buah buku teks yang lain iaitu

dalam Bab 7 (muka surat 176) dengan memetik pendapat Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, ketua perwakilan Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 17 September 1957.

"sebagai sebuah negara kecil, asas kekuatan kami tidak bergantung kepada perkara kebendaan tetapi berlandaskan kepada kekuatan moral dan matlamat rakyat kami."

Kesemua buku teks yang dikaji didapati menggunakan kaedah petikan dengan fungsi yang agak berbeza. Buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5* menggunakan petikan ucapan manakala buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 5* pula memilih petikan berita sebagai pendahuluan penulisannya. Buku teks *Sains Tingkatan 5* pula menggunakan rajah dengan bentuk visual yang menarik yang dipetik daripada sumber lain sebagai ringkasan daripada huraian sub-judul di samping bertujuan untuk memupuk semangat pembelajaran. Buku teks *Sejarah Tingkatan 5* pula menggunakan petikan yang berfungsi sebagai contoh, untuk penerangan lanjut serta mengisi kekosongan ruang dalam halaman. Walau bagaimanapun, kepelbagaian fungsi ini memberikan kesan kepelbagaian dalam persembahan kaedah penulisan petikan dalam buku teks ini

### **3.9 ANALISIS PENGGUNAAN KAEDAH PENGELASAN**

Kaedah pengelasan tidak begitu kerap digunakan dalam kesemua teks. Buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5* menggunakan kaedah penulisan ini sebanyak 3 kali manakala buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 5* menggunakannya hanya sekali. Kekerapan penggunaan kaedah penulisan ini hampir sama antara buku teks *Sains Tingkatan 5* dan *Sejarah Tingkatan 5*, iaitu masing-masing menggunakan sebanyak 21 dan 20 kali. Walau bagaimanapun, fungsi penggunaannya dalam persembahan penulisan kedua-dua buku teks berkenaan agak berbeza. Bab 2 dan Bab 4 dalam buku teks *Sains* didapati paling kerap menggunakan kaedah penulisan ini sementara dalam buku teks *Sejarah*, Bab 2 dan Bab 3 paling kerap menggunakan berbanding bab yang lain.

Kaedah penulisan ini lebih mudah dikesan dalam buku teks *Sains Tingkatan 5* berbanding tiga buah buku teks yang lain kerana perkataan ‘kelas’ atau ‘dikelaskan’ digunakan dalam persembahan penulisannya. Buku teks yang lain tidak menggunakan perkataan ‘kelas’ secara khusus. Dengan itu, kaedah pengelasan ini hanya akan dapat dikesan dengan membaca setiap perenggan dengan teliti.

Pengelasan dalam buku teks *Sains Tingkatan 5* digunakan untuk mengelaskan sesuatu unsur mengikut kumpulannya sedangkan pengelasan

dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* digunakan bagi membahagikan kumpulan pemerintah atau pentadbir mengikut tugasnya serta membahagikan masyarakat mengikut tingkat hierarki sosialnya dalam apa juga tindakan. Perbezaan ini disebabkan isi kandungan dan fungsi mata pelajaran yang berbeza antara kedua-duanya. Penggunaan kaedah penulisan ini yang terlalu kurang dalam buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5* dan *Pendidikan Moral Tingkatan 5* memberikan kesukaran untuk mengenalpasti fungsinya.

Contoh-contoh penggunaan kaedah pengelasan dalam buku teks *Sains Tingkatan 5* dapat dilihat seperti di bawah:

Secara am, kita boleh kelaskan hidrokarbon kepada:

- \*hidrokarbon tepu
- \*hidrokarbon tak tepu (muka surat 50).

Pada amnya, plastik boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu termoplastik dan plastik termoset (muka surat 91).

Kedua-dua contoh ini kemudiannya diikuti dengan penerangan dan huraian berserta contoh mengikut kumpulan atau kelasnya. Sementara dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* pula, kaedah pengelasan hanya akan dapat dikesan dengan pembacaan yang teliti kerana jalinan hubungan antara setiap perenggan yang mencerakinkan setiap peristiwa dengan panjang lebar, menimbulkan kesukaran untuk mengesannya. Contoh penggunaan kaedah

penulisan pengelasan ini dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* pula ialah seperti berikut:

Dalam masyarakat Melayu terdapat dua golongan iaitu golongan memerintah dan golongan yang diperintah. Golongan yang memerintah ini pula dibahagikan kepada kumpulan yang lebih kecil lagi, berdasarkan taraf kedudukan dan fungsi atau tugas seseorang dalam masyarakat (muka surat 37).

Dari segi kepimpinan, gerakan penentangan ini boleh dibahagi dua iaitu penentangan golongan pembesar dan penentangan golongan rakyat (muka surat 74).

### **3.10 ANALISIS PENGGUNAAN KAEADAH ANEKDOT**

Petikan cerita yang ringkas jika digunakan dalam sesuatu penulisan akan mewujudkan suasana segar dan hidup serta akan menarik perhatian pembaca terutamanya cerita yang bersifat dramatik dan lucu. Untuk itu, anekdot digunakan dalam sesebuah penulisan prosa sama ada sebagai selingan ataupun pengajaran. Di samping itu, anekdot digunakan untuk menghidupkan mesej yang ingin disampaikan. Antara fungsi kaedah penulisan ini ialah untuk membayangkan tema utama, menjadi contoh bagi sesuatu hujah serta mewarnai tulisan yang gersang.

Kaedah penulisan ini tidak digunakan dalam buku teks *Bahasa Melayu, Sejarah dan Sains*. Kaedah ini hanya ditemui dalam buku teks Pendidikan Moral dalam Bab 27 bertajuk "Pemikiran Kritis". Petikan anekdot ini berfungsi sebagai contoh bagi menerangkan konsep-konsep yang terdapat dalam pemikiran kritis. Salah satu contoh anekdot dalam bab tersebut ialah:

Cikgu:	Mengapa matahari memberikan banyak cahaya?
Yong Siew Leng :	Sebab matahari cerah.
Cikgu:	Mengapa matahari cerah?
Yong Siew Leng:	Sebab matahari memancarkan banyak cahaya (muka surat 140).

Kaedah anekdot ini ditemui dalam bab yang sama kerana bersesuaian dengan tajuk yang dikemukakan. Buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 5* ini sewajarnya boleh memasukkan kaedah penulisan ini dengan lebih kerap kerana pengarangnya bebas memilih bahan asalkan aspek nilai-nilai murni diutamakan. Cerita ringkas yang lucu dan dramatik atau anekdot amat sesuai digunakan dalam menyampaikan unsur-unsur nilai seperti yang dikehendaki oleh Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral.

Kaedah anekdot ini tidak ditemui dalam tiga buah buku teks yang lain. Hal ini mungkin disebabkan penulis tidak mahir menggunakan kaedah penulisan

tersebut kerana seseorang penulis itu perlu sentiasa peka dengan situasi-situasi yang berlaku di sekelilingnya. Penulis juga perlu peka dengan peristiwa yang dialami sendiri atau oleh orang lain bagi memasukkan kaedah penulisan ini di samping perlu menyesuaikannya dengan isi kandungan, tajuk atau topik serta Sukatan Pelajaran.

### **3.11 ANALISIS PENGGUNAAN KAE DAH SATIRA**

Satira merupakan bentuk penulisan yang menyindir orang lain sama ada secara ironi, invektif atau parodi. Kaedah penulisan ini tidak ditemui dalam buku teks Sejarah, Sains dan Pendidikan Moral. Mata pelajaran Sejarah dan Sains lebih mementingkan cara bagaimana untuk menyampaikan sesuatu maklumat secara terus terang tanpa menyusahkan pelajar atau pembaca.

Dalam mata pelajaran Sejarah, pencerakinan sesuatu peristiwa begitu diambil perhatian supaya tidak bercanggah dengan fakta yang sebenarnya kerana apa yang tercatat, telahpun berlaku. Begitu juga dengan tokoh-tokoh sejarah yang diceritakan. Dalam buku teks mata pelajaran Sains pula, kandungan isi disusun dengan tajuk-tajuk kecil supaya setiap konsep atau idea baru diperkenalkan dengan teliti mengikut tahap kognitif pelajar. Sains merupakan ilmu pengetahuan yang sistematik yang dibuktikan kebenarannya. Dengan itu, kaedah satira dalam kedua-dua buku teks tidak begitu sesuai digunakan.

Berbeza dengan buku teks *Sains* dan *Sejarah* yang dibahagikan kepada 5 hingga 7 bab dengan judul utama dan sub-judul, buku teks *Bahasa Melayu* dan *Pendidikan Moral* masing-masing mempunyai antara 20 dan 34 bab dengan tajuk dan tema yang berlainan. Sepatutnya, kedua-dua buku teks ini boleh memilih bahan yang sesuai bagi memasukkan kaedah penulisan ini terutamanya dalam penggalakan terhadap konsep kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis di kalangan pelajar. Namun begitu, kaedah ini tidak ditemui dalam buku teks *Pendidikan Moral*. Kaedah ini hanya ditemui dalam buku teks *Bahasa Melayu*, itupun dalam penggunaan berbentuk pantun (muka surat 423) dalam karya klasik bagi menyindir Tun Mamat yang ingin meminang Puteri Gunung Ledang untuk Sultan Mahmud, iaitu :

Dang Nila memangku puan,  
Berembang buah pedada;  
Apakah gila bagimu tuan,  
Burung terbang dipipiskan lada.

Kuning Ledang bagai dikarang,  
Riang-riang disambar wakab;  
Hairan memandang dunia sekarang,  
Bayang-bayang hendak ditangkap.

### **3.12 ANALISIS PENGGUNAAN KAEDAH PENAMSILAN**

Penamsilan membawa maksud kias ibarat, misal perbandingan, perumpamaan atau contoh, analogi dan penaakulan. Dalam persempahan penulisan, kaedah penulisan ini digunakan untuk menjelaskan idea-idea saintifik. Kaedah ini akan membolehkan pembaca melihat semua perbezaan dan persamaan tentang sesuatu perkara itu. Dengan cara ini, pembaca akan dirangsangkan supaya memikirkan perkara itu dan melihatnya dari dua perspektif yang berbeza. Fungsi kaedah penulisan ini dalam persempahan penulisan ialah untuk mencari perbezaan dan persamaan antara dua perkara yang sama daripada beberapa sudut. Ia digunakan untuk menjelaskan sesuatu konsep, benda atau perbuatan. Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah ini harus wajar dan sesuai dengan sesuatu tema penulisan itu.

Seperti kaedah penulisan satira dan anekdot, penamsilan hanya ditemui dalam sebuah daripada tiga buah buku teks yang dikaji, iaitu dalam buku teks *Sains Tingkatan 5* dengan kekerapan sebanyak 3 kali. Kaedah penulisan ini digunakan bagi membuat perbandingan kesan tindakan sesuatu objek atau unsur. Penamsilan atau analogi yang digunakan agak menarik tetapi hanya digunakan dalam satu bab yang sama iaitu Bab 4. Contoh penamsilan yang dipersembahkan ialah:

Semakin besar jisim sesuatu objek, semakin sukar untuk dimulakan atau diberhentikan gerakannya. Ini bermakna semakin besar jisim sesuatu objek, semakin besar inersianya. Apabila kamu tersepak sebuah tin, dengan segera kamu boleh mengetahui sama ada tin itu berisi atau kosong. Sebuah tin yang berisi mempunyai lebih jisim dan lebih inersia berbanding sebuah tin yang kosong. Dengan ini, tin yang berisi sukar untuk digerakkan (muka surat 148).

Kaedah penulisan penamsilan ini sesuai digunakan dalam bentuk penulisan penceritaan. Namun begitu, kaedah penulisan ini tidak ditemui dalam buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 5* walaupun 14 bab daripada 34 bab dalam buku ini berbentuk penceritaan. Buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5* juga dikesan tidak menggunakan kaedaha ini kerana hampir keseluruhan bahan dalam 20 unit buku teks berkenaan berbentuk rencana.

Ketiadaan penggunaan kaedah penamsilan ini dalam ketiga-tiga buah buku teks yang dianalisis mungkin disebabkan kekurangan kemahiran di kalangan pengarang untuk menggunakannya dalam penulisan ilmiah khasnya untuk tahap pelajar Tingkatan 5. Oleh sebab kreativiti seseorang penulis penting dalam mempersempahkan apa jua bentuk penulisan dan pemilihan kaedah-kaedah penulisan, maka kekerapan penggunaan kaedah penamsilan dalam buku teks memperlihatkan ketajaman pemikiran pengarang dalam menyampaikan ideanya dalam bentuk penulisan yang boleh menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis. Namun demikian, kecenderungan

untuk memilih kaedah penulisan ini agak kurang dalam penulisan buku teks sekolah seperti pemilihan dan penggunaan kaedah penulisan anekdot dan satira.

### **3.13 ANALISIS PENGGUNAAN KAEDAH LAIN**

Kaedah penulisan seperti penggunaan bahasa figuratif, ungkapan, pepatah, bidalan, perumpamaan, simpulan bahasa dan peribahasa selain pendekatan penulisan berbentuk penceritaan turut digunakan dalam mempelbagaikan persempahan penulisan di samping memberikan kesan kesegaran kepada ayat dan perenggan yang dipersembahkan. Walaupun kaedah penulisan ini lebih banyak digunakan dalam penulisan fiksyen, ia turut digunakan dalam penulisan bukan fiksyen walaupun kekerapan penggunaannya tidak banyak.

Sejarah merupakan mata pelajaran yang menyampaikan fakta dan maklumat sesuatu peristiwa atau perkara yang telah berlaku. Bentuk penulisan dalam buku teks ini lebih merupakan bentuk penerangan dan penceritaan fakta dengan mencerakinkan segala peristiwa satu persatu. Mencerakinkan sesuatu peristiwa satu persatu dengan panjang lebar terutamanya apabila satu-satu bab itu terlalu panjang, akan memberi kesan kebosanan kepada pembaca. Percubaan buku teks *Sejarah Tingkatan 5* memasukkan peribahasa, ungkapan-ungkapan yang biasa didengari,

peribahasa dan bahasa puitis secara tidak langsung memberikan kelainan dan dapat memikat mata pembaca untuk menatapnya. Walaupun penggunaannya amat sedikit, tetapi bagi mata pelajaran yang begitu mementingkan penarikan peristiwa, persembahan penulisan seperti ini akan 'mencelikkan' mata pelajar daripada mengantuk. Contoh-contoh penggunaan kaedah penulisan ini dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* ialah seperti berikut:

Kerja raja dijunjung, kerja sendiri dikelek (muka surat 24).

Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah (muka surat 30).

Seikat seperti sirih serumpun seperti serai (muka surat 44).

Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung (muka surat 159).

- penggunaan peribahasa

Bersatu teguh bercerai roboh (muka surat 44).

Mendidik mereka menjadi petani, nelayan yang lebih baik daripada ibu bapa mereka (muka surat 161).

- ungkapan

Akan timbul dan tenggelam dengan barat (muka surat 177).

- bahasa puitis

Tidak seperti buku teks Sejarah, buku teks Sains tidak menggunakan peribahasa, ungkapan, bahasa puitis, pepatah atau perumpamaan dalam

persembahan penulisannya. Oleh sebab mata pelajaran Sains lebih menekankan kepada kaedah inkuiiri-penemuan bagi menggalakkan pelajar menjalankan eksperimen, membuat pemerhatian dan seterusnya menghuraikan permasalahan yang timbul, kaedah penulisan ini mungkin tidak membantu untuk memberikan kesegaran kepada persembahan penulisannya serta tidak sesuai digunakan. Walau bagaimanapun, buku teks ini memilih senceritaan ringkas bagi menarik dan memikat pelajar. Contoh penggunaan senceritaan dalam buku teks *Sains Tingkatan 5* ialah seperti berikut:

Kira-kira tiga ratus tahun dahulu, seorang pekedai berbangsa Belanda telah menemui satu dunia baru tanpa belayar melintasi lautan yang jauh. Beliau menemui dunia baru ini di sekitarnya.

Nama pekedai itu ialah Anton van Leeuwenhoek (1632-1723). Dunia baru yang ditemuinya ialah dunia organisma seni yang wujud di merata tempat tetapi terlalu seni untuk dilihat dengan mata kasar (muka surat 1).

Kira-kira pada tahun 3000 S.M., orang Mesir telah mula membina kapal layar yang menggunakan kuasa angin. Sejak enjin dicipta, kapal yang lebih besar telah dibina (muka surat 173).

Pada tahun 1971, 45 orang telah mati dan 120 orang jatuh sakit akibat keracunan merkuri di Teluk Minamata, Jepun. Sebuah kilang plastik yang berhampiran telah membebaskan sebatian merkuri ke dalam teluk itu sebagai sebahagian daripada sisanya (muka surat 216).

Dalam buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5* pula, hanya sekali sekedah penulisan berbentuk bahasa figuratif, iaitu penggunaan simile ditemui serta dua rangkap pantun dalam unit yang sama selain penggunaan perumpamaan. Walaupun mata pelajaran Bahasa Melayu mempunyai komponen khas, iaitu unsur sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, tetapi pemilihan bahan untuk komponen membaca dan memahami dalam buku teks ini lebih berbentuk rencana. Dengan itu, tidak banyak kaedah penulisan ini boleh digunakan terutamanya apabila rencana itu agak ringkas. Contoh penggunaan bahasa figuratif, pantun dan perumpamaan yang ada dalam buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5* ialah:

Setelah datang had buluh perindu, maka Tun Mamat dengan dua orang yang baik itu, **seperti akan terbanglah rasanya.....**(muka surat 423).

Dang Nila memangku puan,  
Berembang buah pedada;  
Adakah gila bagimu tuan,  
Burung terbang dipipiskan lada.

Kuning Ledang bagi dikarang,  
Riang-riang disambar wakab;  
Hairan memandang dunia sekarang,  
Bayang-bayang hendak ditangkap.

Bagai cendawan tumbuh selepas hujan (muka surat 295).

Pemilihan bentuk bahan yang pelbagai dalam buku teks *Pendidikan Moral* merupakan perbezaan yang paling ketara antara buku teks ini dengan tiga

buah buku teks yang dikaji. Selain rencana, buku teks ini turut memilih karya-karya fiksyen seperti cerpen, cerita, puisi, dan drama selain autobiografi yang berbentuk penceritaan.<sup>14</sup> bab ( Bab 2, Bab 6, Bab 7, Bab 8, Bab 9, Bab 14, Bab 16, Bab 17, Bab 19, Bab 22, Bab 23, Bab 25, Bab 26, Bab 31) daripada 34 bab yang terdapat dalam buku teks *Pendidikan Moral*, berbentuk karya fiksyen manakala 3 bab (Bab 12, Bab 28 dan Bab 29) adalah bentuk penceritaan autobiografi dan 2 bab (Bab 4 dan Bab 13) berbentuk puisi. Dengan itu, kaedah penulisan seperti pemilihan bahasa figuratif, peribahasa dan ungkapan agak kerap digunakan kerana bersesuaian dengan bentuk bahan yang dipilih.

Contoh-contoh penggunaan kaedah penulisan tersebut ialah seperti berikut:

Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah.  
Biar mati anak, jangan mati adat (muka surat 1).

- pepatah

Betapa pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga (muka surat 26)  
Kalau tidak dipecahkan ruyung masakan dapat sagunya. (muka surat 80).  
Yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang (muka surat 161).

- Peribahasa

Cahaya matahari pagi perlahan-lahan menembusi celah-celah daun pokok akasia dan menerangi kawasan di sekitar pentas drama (muka surat 69).

Walaupun masih agak pagi, kira-kira jam tujuh dan kelihatan embun masih bergayutan di hujung daun, matahari sudah galak menyinari muka bumi (muka surat 93).

- personifikasi

Harga diri (muka surat 69).

Tenggelam punca (muka surat 161).

- simpulan bahasa

Kehidupan adalah seperti taman; indah dan berseri jika bunga-bunganya dijaga dengan baik (muka surat 128).

- simile

Walaupun kaedah-kaedah ini agak kurang digunakan dalam keempat-empat buah buku teks yang dikaji, namun percubaan untuk menggunakannya menampakkan percubaan penulis untuk mempelbagaikan kaedah penulisannya. Di samping dapat mengelakkan kebosanan akibat penghuraian teks yang panjang lebar, kaedah ini sedikit sebanyak memberikan kesan kelainan dalam pembacaan pelajar walaupun penggunaannya dalam penulisan masih pada tahap minima.